

Jangan kompromi pihak pertahanan kilang haram

KUALALUMPUR 8 Sept. - Pihak berkuasa negeri digesa supaya tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mempertahankan kilang-kilang haram dengan alasan kononnya ia mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Ini kerana kilang-kilang haram yang terang-terangan tidak berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dikhuatiri menghasilkan sisa-sisa buangan mengandungi gas atau cecair beracun yang mampu membawa penyakit berbahaya seperti kanser dan kecacatan bayi dalam kandungan.

Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris** berkata, jika tidak dikawal, pencemaran kilang-kilang haram ini akan merosakkan keseimbangan ekosistem dan kualiti alam sekitar yang akan meninggalkan kemusnahan yang tidak dapat dipulihkan dengan wang ringgit.

"Apabila kilang-kilang itu didaftarkan, JAS dapat memantau penggunaan bahan kimia dan sisa-sisa industri yang dilepaskan agar ia tidak menjejaskan persekitaran yang menyebabkan pencemaran alam sekitar," katanya ketika di-

hubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berkata, kerajaan negeri bertegas dengan dasar untuk tidak merobohkan kilang haram pembakaran habuk kayu di Kampung Sungai Lembu, Penanti dan masih menunggu kata putus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pada masa sama Guan Eng menjelaskan, jika SPRM mengeluarkan arahan perobohan, tindakan itu bermaksud mencampuri dasar kerajaan negeri, justeru tindakan penguatkuasaan yang serupa per-

lu dilaksanakan di negeri lain.

Sehubungan itu, Ahmad Zaharin meminta kerajaan menyemak hukuman terhadap 'pengganggu' alam sekitar ini supaya menjadi amaran kepada semua pengendali kilang-kilang haram di negara ini.

Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), **Prof. Dr. Ahmad Ismail** pula berkata, di kala negara sedang mengejar status negara maju, isu kilang haram seumpama itu tidak harus timbul sebaliknya kita sepatutnya sibuk membincangkan mengenai kesejahteraan masyarakat umum.

"Apa isu yang hendak diketengahkan, isu memberi pekerjaan kepada sekelompok manusia atau isu alam sekitar yang memberi kesan kepada orang ramai?" soalnya.

Jelas beliau, tindakan kerajaan mewajibkan setiap kilang berdaftar bukan atas dasar sukanya sebaliknya bagi membolehkan JAS dan pihak berkuasa lain melakukan pemeriksaan untuk memastikan mereka mematuhi piawaian dan kriteria yang ditetapkan untuk menjamin kesejahteraan orang ramai.